

11/05/2001

## Reaksi berbeza langkah batal piket

Norhayati Hood

KUALA LUMPUR, Khamis - Keputusan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menangguhkan piket Sabtu ini sebagai membantah cara pengurusan wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), mendapat reaksi berbeza daripada orang ramai.

Tinjauan Berita Harian mendapati, ada segelintir warga kota menganggap tindakan menangguhkan piket itu wajar manakala sesetengah yang lain menyifatkan MTUC perlu meneruskannya demi memperjuangkan apa yang mereka dakwa keadilan untuk rakyat.

Seorang kakitangan swasta, Ispakartiana Jais, 23, berkata penangguhan piket berkenaan boleh diterima asalkan kerajaan memberi maklum balas positif terhadap tuntutan MTUC tanpa membebankan pekerja terutama peringkat bawahan.

"Selagi ia mendatangkan kebaikan, kita menerima penangguhan itu dan kerajaan harus mempertimbangkan tuntutan secepat mungkin.

"Saya setuju dengan penangguhannya kerana piket boleh memberi imej buruk kepada negara khususnya industri pelancongan walaupun pada dasarnya ingin dilakukan secara aman," katanya.

Semalam, MTUC bersetuju menangguhkan piket selama tiga bulan selepas mendapat jaminan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk menimbang tiga daripada tujuh tuntutannya.

Seorang lagi kakitangan swasta, Razak Ahmad, 32, bersetuju tindakan menangguhkan piket itu bagi memberi tempoh kepada kerajaan untuk mempertimbang dengan sewajarnya tuntutan kongres.

"Saya setuju dengan tindakan kerajaan yang bersedia mempertimbangkan tuntutan MTUC bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi pekerja negara ini khususnya berhubung isu pengurusan KWSP," katanya.

Seorang kakitangan kerajaan, Muhammad Khizri Abu Kassim, 23, berkata piket tidak perlu diadakan kerana ada alternatif lain lebih berkesan untuk menyelesaikan masalah berhubung isu berkenaan.

"Setiap keputusan kerajaan sebenarnya untuk kebaikan rakyat. Justeru, rakyat perlu memikirkannya secara mendalam buruk baiknya tindakan kerajaan berkaitan isu KWSP," katanya.

Bagaimanapun, seorang peniaga, Lee Ws Lee, 40, tidak setuju dengan penangguhan piket selama tiga bulan kerana menyifatkannya sebagai menindas pekerja yang mengalami masalah seperti hilang upaya dalam tempoh terdekat ini.

"Sekiranya piket tidak dijalankan, seolah-olah ia melengahkan kerajaan membuat keputusan mengenai tuntutan yang dibuat MTUC.

"Wang yang dilaburkan dalam KWSP adalah duit kami dan kami mempunyai hak terhadapnya... sebarang keputusan perlu juga mendapat persetujuan kami," katanya.

Sebelum ini, MTUC merancang mengadakan piket di semua Pejabat KWSP di seluruh negara sebagai membantah cara agensi itu menguruskan caruman wang pekerja.

Sehubungan itu, MTUC turut menggesa kerajaan meluluskan tujuh tuntutan yang dibuat berikutan kesan jangka panjang yang diterima pekerja akibat peningkatan cukai pendapatan dan kekurangan simpanan hari tua mereka.

Seorang peniaga, Abdul Rahman Abdullah, 31, berkata kerajaan sewajarnya bersetuju dengan tuntutan berkenaan kerana pengurusan KWSP seharusnya cekap dan adil khususnya berkaitan dengan wang caruman rakyat.

"Piket perlu diteruskan bagi menghalang kerajaan mengurangkan kadar

caruman KWSP dan pemberian jumlah faedah kematian dan hilang upaya yang dikhaskan kepada rakyat.

"Piket ini juga mampu mendesak kerajaan memberi perhatian serius untuk mempertimbangkan tuntutan MTUC selain mendengar dan menerima pandangan rakyat," katanya.

Selain itu, piket bukan bermotifkan politik tetapi menunjukkan pekerja tidak berpuas hati dengan keputusan tertentu yang diambil oleh KWSP seperti dividen yang rendah, skim anuiti (skim persaraan) serta pengurangan potongan caruman pekerja.

(END)